



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

U

R

H

P

MENELUSURI WARISAN NOGORI SEMBILAN (MEWARIS)

NUR AMYLIA ATIRA SABARUDIN, NAZ ASYRAF MOHAMMAD NAZARUL & MOHD FAKARUL RADZI MAHADI



Pada 17 Mei 2025 (Sabtu), Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah berjaya menganjurkan satu program kebudayaan berimpak tinggi bertemakan warisan dan sejarah Negeri Sembilan yang dikenali sebagai “Menelusuri Warisan Nogori Sembilan (MEWARIS)”. Program ini telah berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 500 petang di sekitar kawasan kampus.



Seramai 149 peserta menyertai program explorace ini. Program ini dijalankan secara berkumpulan dan merangkumi enam stesen aktiviti berkonsepkan interaktif budaya dan sejarah.

Program MEWARIS ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap adat serta budaya tradisional Negeri Sembilan dan memperkayakan pembelajaran mahasiswa dengan elemen budaya tempatan. Selain itu, program ini dapat melibatkan generasi muda dalam usaha melestarikan warisan negeri.





Program dimeriahkan dengan suasana penuh semangat, kerjasama dan nilai kekitaan antara peserta. Pelbagai gelagat menarik semasa aktiviti menjadikan program ini bukan sahaja mendidik tetapi juga menghiburkan.



Program ini telah memberi kesan positif kepada mahasiswa, universiti dan masyarakat. Mahasiswa lebih menghargai adat dan budaya Negeri Sembilan serta dapat meningkatkan kerjasama dan komunikasi melalui aktiviti berkumpul.

Program ditutup dengan sesi bergambar di Dewan Kuliah Tok Puan Sungei Ujong 3 (TPSU 3) sebagai simbolik penghargaan dan kejayaan pelaksanaan program.

